SEPTEMBER 1 -15, 2020

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow



# Empangan Teluk Bahang kritikal

# JIMAT AIR

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah meminimumkan pelepasan air mentah dari Empangan Teluk Bahang bagi memastikan bekalan air yang berterusan dapat dilanjutkan selama mungkin.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa dalam satu kenyataan media pada 24 Ogos 2020 menyatakan bahawa kapasiti efektif empangan tersebut adalah amat rendah iaitu pada kadar 17.2 peratus iaitu terendah sejak empangan berkaitan mula beroperasi pada tahun 1999, dan hanya cukup untuk menampung bekalan air 'normal' selama 52 hari dekat kawasan seperti di Teluk Bahang, Batu Ferringhi dan sekitar Tanjung Bunga.



**IR. Jaseni Maidinsa.**

"Penurunan kapasiti efektif minimum adalah sebahagian daripada usaha PBAPP dalam meminimumkan pelepasan air. Semakin sedikit pelepasan, semakin lama baki simpanan empangan akan bertahan.

"PBAPP masih perlu melepaskan air dari Empangan Teluk Bahang setiap hari bagi memastikan perkhidmatan bekalan air 24/7 di kawasan pelancongan di bahagian utara pulau.

"(Dan) kami tidak akan menghentikan pelepasan sepenuhnya atau menghentikan tugas empangan walaupun kapasiti efektifnya sangat rendah," ujarnya yang juga Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Berhad.

Dalam kenyataan sama, Jaseni menegaskan bahawa status abnormal Empangan Teluk Bahang bertarikh 24 Ogos 2020 adalah disebabkan penerimaan hujan yang amat rendah dalam tempoh 12 bulan lepas.

"Dalam tempoh ini, jumlah hujan yang dicatatkan di kawasan tadahan empangan adalah 4,466 milimeter (mm).

"Jumlah hujan pula adalah 30.3 peratus lebih rendah daripada purata hujan 6.411mm untuk tempoh sama bagi tiga tahun iaitu 2017, 2018 dan 2019.

"Oleh itu, kita amat memerlukan lebih banyak hujan dekat kawasan tadahan air di empangan ini kerana ia merupakan satu-satunya cara meningkatkan kapasiti efektif simpanan air mentah Empangan Teluk Bahang," jelasnya.

Sebagai rekod, Empangan Teluk Bahang merupakan empangan terpenting dalam sistem bekalan air yang memberi khidmat kepada 38,000 pengguna air berdaftar di Teluk Bahang, Batu Ferringhi dan Tanjung Bunga sejak 1999.

Air mentah yang disimpan di empangan ini adalah air hujan yang dikumpulkan dekat kawasan tadahan air berdekatan hutan lereng bukit sekitar kawasan empangan.

Mengulas mengenai Operasi Pembenihan Awan (OPA), Jaseni memaklumkan bahawa siri pertama dijadualkan pada akhir bulan Ogos 2020.

"Harus diingatkan bahawa hasil OPA adalah bergantung pada keadaan cuaca terutama kehadiran awan hujan di kawasan yang disasarkan.

"Sebanyak lapan (8) OPA telah dirancang dalam keadaan cuaca yang optimal bagi memastikan impak yang maksimum dari segi jumlah hujan.

"Objektif utama adalah untuk mengisi segera simpanan air mentah di Empangan Teluk Bahang bagi mencapai kapasiti sihat atau selamat menjelang Disember 2020.

"(Dan) pastinya sebagai persediaan menghadapi musim kemarau tahunan berikutnya yang dijangka bermula pada Januari 2021," katanya.





**RAKAMAN paras air Empangan Teluk Bahang bertarikh 17 Ogos 2020.**

Terdahulu, pada 5 Ogos 2020, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam sidang media mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri akan meneruskan OPA bagi meningkatkan kapasiti air di Empangan Teluk Bahang.

Sejumlah RM480,000 telah diluluskan bagi pelaksanaan 16 OPA pada April 2020, dan sehingga kini masih berbaki lapan lagi.

Jaseni, dalam pada itu turut menasihati semua pengguna air di Teluk Bahang, Batu Ferringhi dan Tanjung Bunga supaya menjimatkan penggunaan air.

"Elakkan pili air mengalir, elakkan siram pokok di halaman dengan hos atau mencuci kenderaan setiap hari.

"PBAPP memerlukan kerjasama penuh semua pihak untuk menggunakan air secara berhemat sehingga kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang kembali normal," ujarnya.

# UCT pilih Pulau Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN –** Syarikat pengeluar dan pembekal fabrikasi wafer terkemuka dunia berpangkalan di Amerika Syarikat, *Ultra Clean Holdings Inc*. (UCT) memilih Pulau Pinang sebagai lokasi untuk membangunkan fasiliti pengilangannya di Malaysia.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri berbesar hati apabila syarikat yang tersenarai di *NASDAQ* itu memilih Taman Perindustrian Batu Kawan bagi mengembangkan sayapnya.

"Tidak diragukan lagi, pelaburan strategik UCT ini adalah bukti bahawa Pulau Pinang telah mendapat momentum bagi menarik pelaburan jaguh industri rantaian bekalan global.

"Ini merupakan tonggak dalam transformasi industri di negeri ini sekaligus menjadi bukti bagaimana pelaburan strategik utama seumpama ini diterjemahkan dalam limpahan teknologi dan ekonomi.

"Berteraskan ekosistem Pulau Pinang yang kukuh dalam elektrik dan elektronik (E&E), pelaburan ini menjadi nilai tambah terhadap rantaian bekalan perkakasan *front-end* bagi membolehkan kita (negeri ini) memenuhi keperluan industri semasa," ujarnya pada sidang media di Komtar 30 Julai lalu.



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan peta lokasi pembangunan fasiliti baharu UCT pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Penasihat Khas Pelaburan kepada Ketua Menteri, Datuk Seri Lee Kah Choon; Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang (iP), Dato' Loo Lee Lian; Timbalan Pengurus Besar Kanan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Yeoh Lean Huat dan Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Aziz Bakar.

Menurut Kon Yeow, berdasarkan data yang dikeluarkan oleh *Semiconductor Equipment and Materials International* (SEMI), sebuah pertubuhan gabungan industri global yang mewakili rantaian bekalan elektronik dan perkakasan semikonduktor dunia menjangkakan jualan perkakasan meningkat enam peratus kepada AS$63.2 bilion tahun ini dan 2021 (AS$70 bilion).

"Bagi Pulau Pinang, suku pertama tahun ini berjaya menarik pelaburan berjumlah RM7.1 bilion daripada keseluruhan pelaburan sektor pembuatan yang diluluskan.

"Jumlah ini merangkumi RM6.8 bilion pelaburan langsung asing (FDI) atau 64 peratus jumlah FDI Malaysia, nilai tertinggi dalam negara.

"Dari 2010 sehingga Mac 2020, Pulau Pinang berjaya menarik pelaburan RM58.5 bilion melalui industri E&E dan industri jentera serta perkakasan, mewakili 39 peratus jumlah pelaburan yang diluluskan bagi kedua-dua industri tersebut dalam negara.

"Pulau Pinang sebagai Lembah Silikon Timur, sudah pasti merupakan tonggak utama perdagangan antarabangsa terutama dalam industri E&E," jelasnya sambil menzahirkan penghargaan kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), iP dan PDC yang bekerjasama menarik kemasukan pelaburan ke negeri ini.

Dalam pada itu, Lee Lian memaklumkan bahawa pihaknya teruja apabila UCT memilih Pulau Pinang sebagai lokasi membangunkan fasiliti terbaharu mereka.

"Pihak kami (iP) dan UCT telah bekerjasama selama dua tahun bagi merealisasikan pembangunan fasiliti baharu UCT.

"Meskipun dunia sedang bertarung dengan pandemik COVID-19, Pulau Pinang masih lagi berupaya menarik pelaburan baharu daripada pembekal perkakasan berteknologi tinggi dunia," katanya.

Berada dalam kedudukan 10 teratas sebagai pembekal subsistem kritikal industri pembuatan semikonduktor dan industri lain berkaitan yang mana jumlah pendapatan subsistem kritikal mencecah AS$11 bilion pada tahun 2019, fasiliti terbaru UCT di sini bakal menjadi tambahan kepada fasiliti sedia ada di Amerika Syarikat, Singapura, China, Filipina dan Republik Czech.

Dijangkakan kerja-kerja pembinaan fasiliti yang berkeluasan 340,000 kaki persegi itu, bermula penghujung tahun 2020 dengan pengeluaran awal dijadualkan pada separuh kedua tahun 2021.

Malah, fasiliti terbaharu UCT juga dilihat bakal mencipta 650 peluang pekerjaan dalam tempoh lima tahun akan datang termasuk dalam lapangan pembuatan, kejuruteraan, pembangunan dan penyelidikan serta pengurusan kualiti.

# PTMP di landasan yang betul

**KUALA LUMPUR –** Projek Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) berada di landasan yang betul dan berjalan lancar, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

"Ia adalah komitmen Kerajaan Negeri kepada seluruh rakyat Pulau Pinang.

"Setiap kali ada perkembangan dan pencapaian baru, semuanya kita (Kerajaan Negeri) maklumkan kepada pihak media seperti kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA), penyerahan pelan fizikal kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) dan terbaharu majlis menandatangani perjanjian dengan SRS Consortium (Sdn. Bhd.) sebagai rakan pelaksana projek (PDP) pada 1 Julai 2020.

"Seterusnya, SRS Consortium akan mengemukakan rancangan kewangan mereka kepada Kerajaan Negeri dan kita (Kerajaan Negeri) akan memilih struktur manakah yang paling sesuai untuk pelaksanaaan PTMP," jelasnya pada sesi bual bicara bertajuk *'Penang in 10 Years Time'* yang dihoskan oleh Ahli Parlimen Segambut, Hannah Yeoh pada 3 Ogos lalu melalui siaran langsung di platform *Facebook Live*.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memberitahu bahawa Kerajaan Negeri akan memastikan semua projek infrastruktur di bawah PTMP berjalan lancar meskipun garis masa yang ditetapkan lewat satu atau dua tahun berbanding jadual asal.

Pada sesi bual bicara yang sama, Kon Yeow menegaskan bahawa Pulau Pinang memerlukan infrastruktur yang lebih baik untuk memajukan ekonomi negeri.

"Pembangunan semua infrastruktur ini adalah sejajar dengan visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara," ulasnya.

Menyentuh mengenai visi Penang2030 yang digagaskan beliau pada Ogos 2018, Kon Yeow menjelaskan bahawa fokus keluarga adalah perkara paling asas yang selalunya terlepas pandang.

"Sebenarnya, keluarga adalah akar umbi dan unit sosial yang paling penting dalam pembentukan negeri… kerana melalui keluarga yang kukuh, barulah kita dapat berdiri sama gagah untuk menghadapi apa jua tekanan serta melahirkan individu berguna.

"Pulau Pinang perlu pastikan semua institusi keluarga kekal sihat kerana ia adalah akar kekuatan bagi membendung segala masalah sosial dalam masyarakat," serunya.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Robina Eco Park MBSP tarikan pelancongan rekreasi

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**TELUK AIR TAWAR -** Projek penarafan kawasan rekreasi pantai dekat Taman Robina kepada Robina Eco Park MBSP menelan belanja kira-kira RM1,464,000.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa kerja-kerja penarafan fasa kali ini adalah melibatkan 4.5 ekar daripada 6.664 ekar keseluruhan keluasan taman rekreasi yang menjadi salah satu tarikan pelancongan rekreasi bagi daerah Seberang Perai Utara (SPU).

"Saya begitu gembira (kerana) ruang awam ini berjaya diubah menjadi satu ruang awam yang boleh membawa keselesaan kepada pengunjung serta penduduk sekitar (kawasan ini)," jelasnya selepas menyempurnakan acara perasmian pembukaan Robina Eco Park MBSP di sini pada 25 Julai 2020.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Ayer Tawar, Mustafa Kamal Ahmad; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Pegawai Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Zulkifli Rashid; Ketua Polis Daerah SPU, Asistan Komisioner Noorzainy Mohd. Noor; Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Rosnani Mahmod dan beberapa barisan Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memberitahu bahawa pihaknya akan mendapatkan maklum balas pihak MBSP mengenai fasa selanjutnya projek penarafan baki lebih dua ekar tanah di kawasan rekreasi ekopelancongan tersebut.

Selain itu, beliau turut menzahirkan rasa gembira kerana kempen 'Jom! Experience Penang' yang dilancarkan oleh beberapa agensi negeri pada hujung bulan Jun lepas seakan-akan merangsang kembali sektor pelancongan domestik di Pulau Pinang.

"Kita (Kerajaan Negeri) mendapat respons (kempen 'Jom! Experience Penang') bagus terhadap pelancongan domestik.

"Sebagai contoh, kadar tawaran pakej penginapan khususnya di kawasan Tanjung Bungah dan satu lagi adalah dekat Bukit Bendera.

"Sektor pelancongan domestik di Pulau Pinang sekarang ini macam pulih kembali seperti sebelum (COVID-19), pengunjung kena beratur sampai dua jam untuk turun dari (puncak) Bukit Bendera

"Angka yang direkodkan (ke Bukit Bendera) sudah mencapai 8,000 pengunjung dalam satu hari, angka itu macam biasa sebelum berlaku COVID-19 dengan purata pengunjung harian adalah antara 8,000 hingga 10,000 orang pada hujung minggu dan musim cuti," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Sebelum itu, Rozali memberitahu bahawa projek penarafan Robina Eco Park merupakan salah satu usaha MBSP mempelbagaikan kemudahan rekreasi, sukan, seni, warisan dan budaya demi merealisasikan visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

"MBSP juga sedang memperbesarkan Taman Eko-Koridor di Bandar Perda (dekat Seberang Jaya) dengan kos sebanyak RM930,000 dan naik taraf parit di Menara MBSP menjadi *'People's Aquarium'* dengan kos sebanyak RM34,240," ulasnya.



KETUA Menteri bersama-sama Mustafa Kamal Ahmad (kiri sekali) dan Sr. Rozali Mohamud (kanan sekali) merakam gambar di persisiran pantai sejurus acara perasmian pembukaan Robina Eco Park MBSP di sini baru-baru ini.



PERSISIRAN pantai yang menjadi tarikan utama.



TREK laluan basikal yang selesa.

## Seberang Perai, masa depan Pulau Pinang

**KUALA LUMPUR –** Dengan kelengkapan jaringan sistem jalan raya yang lebih teratur dan lengkap, Seberang Perai berpotensi dibangunkan sebagai kawasan pertumbuhan dan merupakan masa depan bagi negeri Pulau Pinang, ulas Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Beliau berkata bahawa pentadbiran yang diterajuinya sejak 2018 memfokuskan kepada pembangunan seimbang di antara kawasan pulau dan juga Seberang Perai.

"Dua tahun lalu, saya telah mengingatkan bahawa masa depan Pulau Pinang sebenarnya terletak di Seberang Perai, jika dahulu bahagian pulau merupakan tumpuan pembangunan kerajaan terdahulu, tetapi kini kita (Kerajaan Negeri) memfokuskan kepada pembangunan yang seimbang di antara pulau dan Seberang Perai.

"Jika dilihat, Seberang Perai sebenarnya lebih strategik serta berpotensi untuk dibangunkan, ia dihubungkan dengan dua jambatan utama serta perkhidmatan feri.

"Malah, jaringan jalan dan lebuh rayanya adalah lebih menyeluruh serta saling menghubungkan seperti Lebuhraya Utara Selatan, Butterworth-Kulim Expressway, jalan-jalan Persekutuan serta negeri," ujarnya pada sesi bual bicara langsung '*Penang In 10 Years Time*' yang dihoskan oleh Ahli Parlimen Segambut, Hannah Yeoh menerusi platform *Facebook Live* di sini 3 Ogos lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menjelaskan bahawa bandar metropolitan Batu Kawan yang merupakan pemangkin pertumbuhan ekonomi negeri di kawasan Seberang Perai kini giat dibangunkan.

"Batu Kawan merupakan salah satu kawasan katalis pertumbuhan pesat di Seberang Perai, dan sememangnya kebanyakan industri tertumpu di kawasan ini, kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) juga bersedia untuk memajukan daerah lain sebagai kawasan perindustrian seterusnya.

"Kerajaan Negeri sentiasa berusaha keras untuk memastikan Seberang Perai menjadi pemangkin pertumbuhan untuk masa depan, dengan itu saya sentiasa mengingatkan pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk mempunyai lebih banyak sumber bagi mengembangkan bandar Seberang Perai," jelasnya.

Bual bicara yang berlangsung selama sejam tersebut turut menyentuh hala tuju Kerajaan Negeri sehingga tahun 2030 melalui visi Penang2030, projek-projek berimpak besar serta pendekatan Kerajaan Negeri dalam menangani isu pandemik penularan wabak COVID-19.

Antara isu utama yang turut menjadi topik bicara adalah pembatalan peruntukan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM100 juta bagi membangunkan sistem kereta kabel Bukit Bendera baru-baru ini.

Ketika ditanya mengenai isu tersebut, Kon Yeow dalam responsnya berkata bahawa secara dasarnya Kerajaan Negeri telah membuat persediaan bagi melantik perunding untuk melakukan kajian.

"Tetapi memandangkan pembatalan tersebut, kita (Kerajaan Negeri) perlu mempertimbangkan semula untuk meneruskan pelaksanaan tersebut ataupun tidak, atau sekurang-kurangnya meneruskan kajian mengenai jajaran serta kebolehlaksanaan projek," ujarnya.

Difahamkan bahawa penarikan balik peruntukan tersebut adalah disebabkan oleh situasi semasa ekonomi negara dan projek berkenaan yang dikategorikan sebagai bukan projek penting.

Menurut Kon Yeow, sejurus pengumuman tersebut, Perbadanan Bukit Bendera juga ada menerima pertanyaan sama ada Kerajaan Negeri berminat melaksanakan projek tersebut melalui inisiatif kewangan swasta.

"Kita terbuka mengenai idea ini, mungkin selepas semua kajian yang perlu telah dilaksanakan… mungkin juga Kerajaan Negeri bakal melaksanakannya melalui Pembiayaan Inisiatif Swasta (PFI)," ulasnya.

# Promosi durian kampung premium

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



BEBERAPA ahli jawatankuasa dan jemputan pada majlis mempromosikan durian kampung premium dan buah-buahan tempatan di sini baru-baru ini.



DR. Norlela Ariffin.

**PENANTI –** Kerajaan Negeri bersama-sama Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang sedang giat mempromosikan durian kampung premium agar setanding dengan buah durian sedia ada di pasaran.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin berkata bahawa antara lokasi popular dengan penanaman durian kampung premium adalah di Suling Hill yang merupakan produk pelancongan terbaru di negeri ini.

"Kalau di Pulau Pinang, Balik Pulau sangat terkenal untuk buah durian sekaligus menjadikan tempat itu sebagai sebuah lokasi agropelancongan.

"Ramai yang datang ke sini hanya untuk merasa durian Balik Pulau, jadi kita nak promosikan juga kawasan lain di negeri ini yang ada penanaman durian seperti di Suling Hill.

"Saya difahamkan, terdapat kira-kira 15 jenis durian terdapat di Suling Hill yang popular dalam kalangan penduduk tempatan adalah seperti Duri Hitam, Musang King, Udang Merah, *Hor Lor* serta banyak lagi.

"Jadi, kami akan melakukan yang terbaik untuk mempromosikan tempat ini sebagai lokasi pelancongan domestik," katanya kepada pemberita semasa mempromosikan durian kampung premium dan buah-buahan tempatan dekat Suling Hill di sini pada 23 Julai lalu.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri, Shahbani Ismail; Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang, Dr. Anun Man serta Pengarah Perikanan Pulau Pinang, Noraisyah Abu Bakar.

Dalam pada itu, Shahbani memberitahu bahawa penganjuran pertandingan durian kampung premium mampu mengembangkan lagi sektor agropelancongan selain dapat meningkatkan pendapatan petani di negeri ini.

"Harga durian kampung dahulunya antara RM2 dan RM5 per kilogram (kg), tetapi sekarang telah meningkat menjadi RM13 per kg.

"Durian kampung tidak termasuk dalam senarai durian yang popular di pasaran tetapi ia mempunyai peminat sendiri.

"Oleh itu, kita mengambil inisiatif untuk meningkatkan nilai durian kampung premium dengan mengadakan pertandingan di antara kampung membabitkan semua daerah di negeri ini untuk mendapatkan premium terbaik,'' ujarnya.

# Lawan denggi, chikungunya

**GEORGE TOWN -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng berharap lokal komuniti dapat memberi kerjasama dalam menjayakan Operasi Bersepadu Kawalan Peningkatan Demam Denggi dan Chikungunya yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).




PEMERIKSAAN yang dijalankan di Lorong Argus.

"KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) ada menyatakan bahawa cara paling berkesan untuk 'lawan' wabak denggi dan chikungunya adalah dengan menghapuskan tempat pembiakan (nyamuk betina *Aedes Albopictus* atau *Aedes Aegypti*) seperti air dalam bekas yang bertakung dan sebagainya.

"Saya berharap penduduk di sekitar kawasan ini dapat memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan rakyat tempatan, kita berharap dapat memutuskan gejala (pembiakan nyamuk) yang membawa gejala demam denggi dan chikungunya ini," jelasnya yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri dekat pekarangan Armenian Park di sini pada 22 Julai 2020.



TEH Lai Heng (barisan depan, dua dari kanan) dan Wong Yuee Harng (barisan depan, kanan sekali) diberikan taklimat oleh pegawai bertugas berhubung lokasi-lokasi takungan air pada penganjuran Operasi Bersepadu Kawalan Peningkatan Demam Denggi dan Chikungunya di sini baru-baru ini.

Ahli Majlis bagi MBPP, Wong Yuee Harng; Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Perlesesan MBPP, Rafi Sharma Mohd. Nor Manoharan selaku pengelola operasi bersepadu berkaitan dan beberapa anggota Inspektor Kesihatan dari jabatan berkenaan turut sertai sidang media tersebut.

Antara lokasi yang menjadi tumpuan pada operasi hari berkaitan ialah di Jalan Kampung Malabar yang diketuai Inspektor Kesihatan MBPP, C. Pandian.

# Pembentangan usul kosongkan kerusi ADUN diteruskan

**GEORGE TOWN –** Pembentangan usul bagi mengisytiharkan kekosongan kerusi bagi Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang bertindak menukar parti politik akan diteruskan pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Oktober ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menegaskan bahawa perkara itu adalah selaras dengan Perkara 14A(1) Enakmen Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2012 berhubung pertukaran parti politik seseorang wakil rakyat.

Enakmen tersebut memperuntukkan bahawa seseorang ADUN hendaklah mengosongkan kerusinya jika:

(a) setelah dipilih sebagai calon daripada satu parti politik, dia melepaskan atau dilucutkan keahliannya atau berhenti daripada menjadi ahli politik tersebut atas apa-apa jua sebab; atau

(b) setelah dipilih sebagai calon yang bukan daripada satu parti politik, dia menyertai suatu parti politik.

"Perkara 14A(1) dengan jelas memperuntukkan keadaan-keadaan yang mana seseorang ADUN hendaklah mengosongkan kerusinya sebaik sahaja dia menukar parti politik atas apa cara sekalipun.

"Walau bagaimanapun, pembentangan usul ini adalah atas inisiatif Kerajaan Negeri berlandaskan prinsip demokrasi untuk membolehkan ADUN-ADUN berbahas sebelum apa-apa keputusan dicapai.

"Jadi, kita tidak mengambil langkah walaupun Perlembagaan Negeri membenarkan pengosongan kerusi dilakukan serta-merta.

"Justeru, andai kata usul itu diluluskan, Yang Dipertua Dewan hendaklah memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengenai kekosongan tersebut untuk membolehkan pilihan raya kecil bagi kawasan berkaitan diadakan," katanya pada sidang media di sini 12 Ogos lalu.

Turut serta, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan (PETACH), Yeoh Soon Hin; Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee serta Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar.

Pada 10 Ogos lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Takiyuddin Hassan dalam penggulungan usul menjunjung titah Diraja di Dewan Rakyat mencabar Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengosongkan empat kerusi DUN berikutan tindakan empat ADUN yang melompat parti.

Justeru, kata Kon Yeow, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedia menyahut cabaran tersebut demi menghentikan gejala melompat parti dalam kalangan wakil rakyat yang semakin berleluasa.

"Sekiranya Menteri berkaitan memerlukan ketegasan Kerajaan Negeri untuk sekali lagi mengorak langkah demi menghentikan gejala pertukaran ahli politik yang berleluasa, ia adalah satu cabaran yang akan kami tempuhi," ulasnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri turut mengambil maklum keputusan Mahkamah Agung (Mahkamah Persekutuan) pada tahun 1992 dalam kes Nordin Salleh terhadap DUN Kelantan.

"Namun, sudah tiba masanya untuk kita mengkaji semula keputusan tersebut demi kebaikan bersama dan masa depan rakyat negara ini," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

# SOP wajib pakai pelitup muka di tempat awam, umum sambut baik

**GEORGE TOWN –** Bermula 1 Ogos 2020, Kerajaan Persekutuan memperkenalkan prosedur operasi standard (SOP) baru yang mewajibkan pemakaian pelitup muka di tempat awam sesak dan semasa menaiki pengangkutan awam.

Menteri Kanan Pertahanan pada 23 Julai lalu menyatakan bahawa mereka yang gagal mematuhi SOP baharu itu boleh dikenakan kompaun sebanyak RM1,000 oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Justeru, wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** bersama-sama jurufoto, **ALISSALA THIAN** meninjau pendapat umum di Pasar Awam Chowrasta dan beberapa tempat awam sekitarnya yang menjadi tumpuan ramai bagi mendapatkan pandangan masyarakat berkaitan SOP baru tersebut.



FARAH Azman.




UMUM mengamalkan penjarakan fizikal ketika ingin memasuki Pasar Awam Chowrasta.



FADHIL Isa.

**FADHIL ISA**, 55, ketika ditemui berpendapat bahawa pelaksanaan SOP baru tersebut adalah tepat bagi mengelakkan berlakunya gelombang kedua penularan pandemik COVID-19 seperti yang sedang dihadapi oleh beberapa negara kini.

"Apabila arahan ini dikeluarkan maka rakyat perlu patuhi tetapi bagi kami yang mempunyai masalah kesihatan seperti jantung dan asma, pemakaian pelitup muka secara berterusan adalah agak bermasalah.

"Namun, memandangkan arahan ini wajib, maka kita kena pakailah juga walaupun bukan secara berterusan," ujarnya.

Walau bagaimanapun menurut beliau, Kerajaan Persekutuan perlu meneliti semula penetapan harga siling bagi pelitup muka di pasaran supaya tidak membebankan golongan berpendapatan rendah.

"Meskipun kerajaan menurunkan harga siling pelitup muka kepada RM1.00 seunit daripada RM1.50, tetapi bagi saya harga itu masih lagi mahal bagi golongan kurang berkemampuan.

"Serentak itu, kerajaan juga boleh pertimbangkan untuk memberikan pelitup muka percuma khusus kepada mereka yang benar-benar memerlukan," sarannya.

**FARAH AZMAN**, 31, pula menyokong sepenuhnya dasar Kerajaan Persekutuan yang mewajibkan pemakaian pelitup muka di tempat awam dan semasa menaiki pengangkutan awam demi memastikan kesihatan awam.




PENGGUNAAN aplikasi pengesanan kontak PGCare telah dihentikan bagi menyeragamkan penggunaan MySejahtera di seluruh negara.

Katanya, SOP baru yang diperkenalkan kerajaan itu bukanlah bertujuan membebankan rakyat sebaliknya untuk menyelamatkan negara daripada dilanda gelombang kedua wabak COVID-19 yang bakal membawa impak lebih besar terhadap negara.

"Bagi saya arahan ini adalah langkah pencegahan yang tepat kerana apabila memakai pelitup muka, kita bukan hanya dapat mengelakkan jangkitan kepada orang lain sekiranya kita mempunyai simptom malah juga untuk melindungi diri kita daripada dijangkiti (COVID-19).

"Seperti kita sedia maklum, timbul banyak isu berkaitan arahan ini seperti pemakai akan sesak nafas dan sebagainya, tetapi kita perlu mengambil langkah ini.

"Oleh itu, bagi mereka yang mempunyai masalah kesihatan, adalah disarankan untuk memakai pelitup muka di tempat-tempat awam yang sesak sahaja," ulasnya yang merupakan salah seorang kakitangan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).



FLORENCE Silva.

Pendapat sama juga turut diutarakan oleh **FLORENCE SILVA**, 53, yang menyatakan bahawa pemakaian pelitup muka ketika ini adalah sangat penting memandangkan kes jangkitan COVID-19 di negara ini masih lagi pada tahap membimbangkan.

"Di tempat-tempat awam, pemakaian pelitup muka sangat perlu untuk mengelakkan diri kita dan orang lain daripada dijangkiti. Tidak ada masalah untuk kita semua mematuhi arahan ini demi kebaikan bersama," kongsinya.

Sementara itu, peniaga, **OOI KIN TEE**, 70, memberitahu bahawa bekalan pelitup muka di pasaran masih lagi mencukupi, tetapi berlaku pertambahan permintaan selepas kerajaan mengumumkan SOP baru tersebut.

"Sekarang ada pelbagai jenis pelitup muka dijual di pasaran seperti pelitup muka pakai buang dan ada juga menggunakan fabrik yang terdiri daripada fabrik kalis air (bahagian luar), penapis (di tengah) dan fabrik serap air (di dalam). Masing-masing ada permintaan tersendiri.

"Pada peringkat awal penularan COVID-19, perniagaan menjual pelitup muka amat menguntungkan, tetapi memandangkan sudah ramai yang menjualnya menyebabkan permintaan kini semakin berkurangan.

"Jualan pelitup muka jenis fabrik pada awalnya kurang mendapat sambutan tetapi selepas kerajaan umum SOP baru, pelanggan mula mencari pelitup muka jenis ini kerana lebih murah dan boleh dicuci dan digunakan semula," jelasnya.



OOI Kin Tee menunjukkan kepelbagaian jenis pelitup muka dijualnya.

# BALIK PULAU
## sebagai destinasi pelancongan baharu




PINTU masuk *Audi Dream Farm.*

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**TELUK BAHANG** – Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan (PETACH), Yeoh Soon Hin memaklumkan bahawa pihaknya mempunyai perancangan bagi membahagikan kawasan Balik Pulau kepada beberapa kategori pelancongan mengikut lokaliti.

Menurut beliau, perkara itu kini sedang dalam perbincangan bersama pihak-pihak berkepentingan bagi merealisasikan hasrat menjadikan Balik Pulau sebagai destinasi pelancongan baharu di negeri ini.

“Kita (PETACH) akan membahagikan kawasan di Balik Pulau kepada beberapa kategori seperti warisan, ekopelancongan, pelancongan berorientasikan keluarga serta lain-lain kategori yang berpotensi untuk dimajukan mengikut kesesuaian.



RUSA jinak yang menjadi pemikat golongan kanak-kanak.

“Kita akan meneruskan usaha untuk menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang khasnya ke Balik Pulau,” ujarnya ketika ditemui usai lawatan ke Audi Dream Farm, Balik Pulau di sini pada 20 Julai 2020.

Turut serta, Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri bagi Parlimen Balik Pulau, Gooi Seong Kin dan pemilik *Audi Dream Farm*, Lim Seow Heong.

Mengulas mengenai langkah-langkah yang diambil dalam merealisasikan hasrat tersebut, Soon Hin menyatakan bahawa pihaknya bersama-sama *Penang Global Tourism* (PGT) kini giat mempromosikan produk-produk pelancongan di negeri ini ke peringkat nasional serta antarabangsa.

“Selepas tamatnya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan kebenaran rentas negeri diberikan, memang kita dapat lihat Pulau Pinang menjadi tumpuan pelancong tempatan, untuk itu kita berharap ia sedikit-sebanyak dapat alih tumpuan di George Town ke Balik Pulau.



SALAH satu tarikan utama yang membenarkan para pelawat merasai peluang menunggang unta.



LIM Seow Heong (tengah) memberi penjelasan kepada Yeoh Soon Hin (kiri sekali) dan Gooi Seong Kin bersempena lawatan khas yang diadakan ke lokasi tarikan pelancongan berkaitan di sini baru-baru ini.

“Selain itu, kita (PETACH) juga akan berbincang dengan pihak Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) untuk buat papan tanda atau apa-apa tarikan berdekatan lapangan terbang bagi menarik minat pelancong ke Balik Pulau,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

Sementara itu, menjawab soalan pemberita berhubung pengoperasian *Audi Dream Farm*, Seow Heong menyatakan bahawa pihaknya mengambil kesempatan sepanjang PKP untuk menambah baik ladang ternakan tersebut.

“Pihak kami melihat tempoh PKP tersebut sebagai satu perkara positif kerana inilah masa untuk kami menambah baik keadaan di sini mengikut saranan yang kami terima melalui media sosial demi kepuasan pengunjung.

“Saya rasa lokasi pelancongan lain juga perlu mengambil langkah sama dengan menambah baik produk pelancongan sedia ada,” ulasnya.



KEPELBAGAIAN unggas unik yang menjadi tarikan.

Terletak di Mukim B Sungai Rusa, Balik Pulau, ladang ternakan berkaitan menjadi semakin dikenali ekoran keunikannya yang membolehkan pengunjung berinteraksi secara depan mata dengan binatang ternakan seperti kuda padi, rusa, arnab, itik, unta, kambing baka Australia dan tanaman buah-buahan serta sayur-sayuran.

# ‘Pelancongan Bertanggungjawab’ peroleh kembali kepercayaan pelancong

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**PANTAI JEREJAK** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang melancarkan Kempen Pelancongan Bertanggungjawab dalam usahanya memastikan kesiapsiagaan normal baharu dipatuhi serentak dengan pembukaan semula industri berkenaan kepada pelancong tempatan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada majlis pelancarannya di sini berkata bahawa ke arah mencegah penularan wabak COVID-19 di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam sektor pelancongan khususnya bagi memastikan garis panduan serta langkah-langkah keselamatan yang sesuai diambil.

Menurut beliau, pendekatan tersebut merupakan langkah penting dalam usaha memperoleh kembali kepercayaan para pelancong pada tempoh pasca COVID-19 kini, di samping membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi pelancongan negeri.

“Apabila pelancong benar-benar yakin akan segala kesiapsiagaan dan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) bahawa Pulau Pinang adalah sebuah negeri selamat, maka dengan keyakinan itulah kita (Pulau Pinang) dapat mengalu-alukan mereka (pelancong) ke sini.



**KETUA Menteri bersama-sama Yeoh Soon Hin (barisan depan, dua dari kiri) dan dif-dif jemputan kehormat pada Majlis Pelancaran Kempen Pelancongan Bertanggungjawab dan Upacara Penyampaian Sijil Untuk Sistem Akreditasi Bagi Kesiapsiagaan COVID-19 di Pulau Pinang baru-baru ini.**

“Diharap bilangan pelancong tempatan ke Pulau Pinang akan kian bertambah kerana ia amat penting untuk masa depan negeri.

“Pada 100 hari yang lalu, kita (Kerajaan Negeri) sentiasa mencari ikhtiar untuk mewujudkan keseimbangan antara kesihatan perubatan dan kesihatan ekonomi, kedua-duanya adalah tunjang penting untuk Pulau Pinang.

“Justeru, tanggungjawab dan kesiapsiagaan ini diharap akan membantu industri pelancongan negeri kembali rancak sejajar dengan permintaan industri kelak,” ujarnya pada ucaptama Majlis Pelancaran Kempen Pelancongan Bertanggungjawab dan Upacara Penyampaian Sijil Untuk Sistem Akreditasi Bagi Kesiapsiagaan COVID-19 di Pulau Pinang pada 30 Julai lalu.

Hadir sama, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan (PETACH), Yeoh Soon Hin; Dato’ Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) dan Jonathan Freddy P. Bagang (Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Pulau Pinang).

Serentak itu, pengusaha hotel, pihak pengurusan pasar raya dan pihak berkepentingan sektor pelancongan turut menerima Sijil Sistem Akreditasi Bagi Kesiapsiagaan COVID-19 masing-masing.

Bercakap pada sidang media berasingan, Soon Hin memberitahu bahawa kebenaran melintas negeri yang diumumkan Kerajaan Persekutuan memberi impak positif kepada sektor pelancongan domestik negeri.

“Rata-rata maklum balas yang diterima daripada pihak hotel adalah positif yang mana kebanyakan daripada mereka berpuas hati dengan jumlah kedatangan pelancong setakat ini,” ulasnya.

# Hamil luar nikah: segera dapatkan bantuan dan perlindungan

**GEORGE TOWN** - Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng menasihatkan remaja perempuan yang terlanjur dan hamil luar nikah agar segera tampil mendapatkan bantuan dan perlindungan.

Menurut beliau, remaja perempuan yang terlanjur perlu membuang rasa takut dan malu serta bertindak mendapatkan bantuan sama ada di rumah-rumah perlindungan sedia ada atau badan-badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan.

“Saya sedih apabila perkara sebegini berlaku dalam masyarakat kita, dan kita perlu menangani kemelut sosial ini secara bersama-sama bagi memberi perlindungan kepada remaja perempuan yang hamil luar nikah dan juga mengelakkan pembuangan bayi.

“Mereka perlukan sokongan, mereka perlu mendapatkan pendedahan sewajarnya yang merangkumi semua aspek agar perkara sama tidak berulang dan bukannya mengenakan hukuman,” ujarnya ketika mengulas mengenai kejadian pembuangan bayi yang kerap berlaku akhir-akhir ini.

Chong Eng ditemui sejurus mengadakan lawatan ke Majlis Kebajikan Wanita *(Women’s Welfare Council, WWC)* Pulau Pinang yang terletak di Lebuhraya Babington dekat sini pada 21 Julai lalu.

Turut sama, pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang serta wakil-wakil daripada WWC; *Women’s Centre for Change* (WCC) dan Rumah Perlindungan Sosial.

Dalam pada itu, Chong Eng berpandangan bahawa bayi hasil kehamilan luar nikah tidak seharusnya dibuang sebaliknya perlu diselamatkan.

“Sudah sampai masa Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menangani serta menguruskan isu ini dengan baik.

“Salah satunya adalah mengadakan kerjasama dengan NGO yang menawarkan perkhidmatan perlindungan dan bantuan kepada remaja perempuan yang hamil luar nikah.

“Wujudkan garis panduan atau suatu badan pemikir yang dapat melaksanakan kempen-kempen kesedaran dengan lebih berkesan seperti kempen pencegahan seks tanpa pelindungan, kempen pencegahan pembuangan bayi dan lain-lain kempen kesedaran.

“Bukan itu sahaja, peranan ibu bapa juga penting dalam memantau aktiviti anak-anak serta meluangkan masa yang berkualiti bersama-sama,” katanya yang turut tidak menolak kemungkinan faktor-faktor lain seperti pengaruh rakan sebaya serta penggunaan alat elektronik tanpa kawalan memberi implikasi terhadap golongan remaja.

Dalam pada itu, Timbalan Pengarah JKM Negeri Pulau Pinang, R. Chitarthany ketika ditemui menyatakan bahawa selain mendapatkan bantuan daripada NGO seperti WWC, WCC, *Befrienders Penang* dan Rumah Perlindungan Sosial, remaja yang memerlukan bantuan boleh menghubungi Talian Kasih di talian 15999.

“Selain itu, mereka juga boleh menghubungi mana-mana pejabat JKM yang hampir bagi mendapatkan perlindungan segera termasuk kaunseling dan khidmat nasihat.

“Pihak KPWKM juga ada menjalinkan kerjasama dengan NGO yang menyediakan perkhidmatan perlindungan *‘Baby Hatch’* kepada bayi yang dilahirkan hasil kehamilan luar nikah.

“Di Pulau Pinang, perkhidmatan perlindungan *‘Baby Hatch’* ini disediakan oleh Hospital Pakar KPJ Pulau Pinang (di Bandar Baru Perda, Bukit Mertajam),” jelasnya yang berharap semua pihak termasuk komuniti setempat memainkan peranan dengan membantu mengurangkan kemelut sosial yang membelenggu remaja masa kini.

Bagi wakil WWC yang mesra dengan sapaan Cik Ong, memaklumkan bahawa selain menyediakan Rumah Perlindungan Sosial, pihaknya turut menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan nurseri harian.

“Rumah Perlindungan Sosial yang ada di sini menawarkan tempat perlindungan dan khidmat nasihat kepada remaja yang terlanjur atau hamil luar nikah, selain menyediakan hostel kepada ibu tunggal muda.

“Kami juga mempunyai jawatankuasa kecil hal ehwal wanita yang akan melaksanakan sesi pendidikan seperti forum, seminar, bengkel...serta bekerjasama rapat dengan NGO-NGO lain berkaitan termasuk di pihak kerajaan.

“Pastinya, pihak kami mengharapkan agar perkhidmatan yang ditawarkan ini dapat sampai kepada golongan yang memerlukan di luar sana dan dalam masa sama dapat memelihara soal kebajikan serta hal ehwal wanita,” katanya.





KEPELBAGAIAN tanaman yang ditanam di sekitar pekarangan premis CAP.

# Pertanian bandar hobi bermanfaat

**PERTANIAN BANDAR** atau *urban agriculture* mempunyai potensi luas dalam meningkatkan bekalan dan keperluan makanan organik negara.

Malah, ia mampu memberi nilai tambah serta sumber pendapatan tambahan kepada mereka yang mengusahakannya selain menyumbang ke arah kelestarian alam sekitar.

Wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** sempat meluangkan masa kira-kira 90 minit menemu ramah Pegawai Pendidikan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), **N.V. SUBBAROW** yang berpengalaman luas dalam pertanian bandar dan pemakanan organik sihat.

## Manfaat Ruangan Sempit

Pertanian bandar boleh diusahakan sama ada melalui kerjasama komuniti setempat mahupun unit-unit kediaman berstrata persendirian.

Bagi Subbarow, pertanian bandar adalah mudah kerana ia boleh diusahakan di belakang rumah, atas bumbung, ruangan sempit, balkoni dan kawasan lapang yang kosong.

"Konsep pertanian bandar bukan konsep baharu, sebaliknya sangat bermanfaat dalam peredaran zaman moden ini.

"Apatah lagi konsep ini mampu membantu meringankan kos sara hidup isi rumah di kawasan bandar melalui pengeluaran sendiri sebahagian bahan makanan yang diperlukan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan.

"Lagipun, penanaman dengan konsep seperti ini adalah lebih mudah dan tidak memerlukan belanja yang banyak, hampir *zero cost* (kos sifar)," katanya sebagai pembuka bicara.

Menurut Subbarow, bagi kawasan kediaman yang mempunyai ruang agak sempit seperti rumah berstrata atau flat, proses penanaman boleh dilakukan dengan menggunakan bekas–bekas terpakai, polibeg atau pasu-pasu kecil.

"Bagi pokok-pokok herba seperti daun kari, *rosemary, stevia,* pudina, oregano dan sebagainya sesuai ditanam dalam pasu.

"(Dan) memandangkan pokok-pokok herba ini mudah membiak dalam masa singkat, penuaian perlu dilakukan dengan kerap.

"Jadi tidak ada alasan bahawa pertanian memerlukan kawasan yang luas dan kos yang tinggi kerana terbukti bahawa pertanian bandar hanya memerlukan kos yang kecil dan ruang memadai.

"Sekiranya dilakukan dalam skala komuniti, konsep pertanian seperti ini dapat mengurangkan sisa buangan dari rumah kerana sisa dapur seperti buah-buahan, sayur-sayuran, ikan, ayam atau daging semuanya boleh diproses menjadi baja semula jadi.

"Sekaligus menjamin keselamatan serta kesihatan makanan itu sendiri," jelasnya sambil menunjukkan beberapa tanaman yang ditanam di sekitar pekarangan premis CAP yang terletak di Jalan Kennedy dekat George Town di sini.

Pasukan Buletin Mutiara cukup teruja apabila dibawa melihat penanaman secara menegak atau *vertical farming* yang menggunakan botol minuman terpakai.

Difahamkan, penanaman menegak sesuai diusahakan di kawasan yang sempit dengan mengambil kira jenis medium tanaman, tarikan graviti dan kesesuaian tanaman.

## Pertanian Organik

Pertanian organik atau *organic farming* merupakan salah satu cabang pertanian yang mula mendapat perhatian umum. Diusahakan secara semula jadi tanpa bahan kimia, hasil tanaman secara pertanian organik ini lebih selamat dan sihat untuk dimakan.

"Di CAP, kami menyediakan sendiri baja dan sebatian organik untuk kawalan perosak.

"Sisa dapur, sisa pertanian dan najis haiwan ternakan (najis lembu, ayam dan kambing misalnya) dikompos secara semula jadi melibatkan organisma mikrob.

"Proses ini sebenarnya dapat mengurangkan pembaziran di samping membantu menguruskan sisa buangan dapur dan haiwan ternakan," jelasnya yang turut membawa kami meninjau proses penghasilan baja organik di sini.

Dalam pada itu, Subbarow turut berkongsi bahawa terdapat sesetengah individu yang hadir ke CAP bagi mempelajari kaedah penghasilan baja organik. Meskipun memakan masa yang agak lama sebelum boleh digunakan, namun penggunaan baja organik







KEPELBAGAIAN tanaman organik yang dituai.

*(Sambung di muka 9.)*

(Sambungan dari muka 8.)

adalah lebih selamat.

"Bagi kawalan penyakit dan serangga juga boleh menggunakan produk bioorganik seperti sebatian yang diusahakan oleh CAP seperti *Egg Lime Solution* (sebatian telur limau nipis) atau dalam bahasa Tamil *'Muttai Rasam'*, *Farmers Effective Microorganisms* (EM) dan *neem oil*.

"Kesemua sebatian ini adalah selamat dan dihasilkan tanpa menggunakan bahan kimia berbahaya," katanya.

Serentak itu Buletin Mutiara turut dibawa singgah di 'Rumah Cacing' atau *'Vermihome'* yang menempatkan spesies cacing *'African Night Crawler'*, iaitu cacing kompos terbaik.

Bersaiz besar dan lebih panjang berbanding cacing biasa, cacing *'African Night Crawler'* adalah paling produktif dan mempunyai jangka hayat paling panjang sehingga tiga tahun.

"Cacing ini akan membantu melupuskan sisa organik yang ada kemudian dijadikan kompos tanah hitam dan boleh digunakan sebagai baja organik untuk tumbuhan.

"Cara penghasilan kompos juga mudah kerana dibahagi mengikut tempoh masa sehinggalah vermikompos (baja cacing) dituai dan berwarna kehitam-hitaman," jelasnya.

## Aktiviti Menyeronokkan Untuk Seisi Keluarga

Aktiviti menanam sayur-sayuran sememangnya menyeronokkan apatah lagi ketika hendak menuai hasilnya. Pasti akan terasa puas, hilang segala lelah.

Kebanyakan sayur-sayuran yang ditanam adalah daripada jenis tanaman jangka pendek dan boleh dipetik dalam tempoh masa antara dua hingga lapan minggu.

"Antaranya pelbagai jenis sawi, kunyit, bayam, kailan, kesum, 'pak choy', ulam-ulaman, terung, bunga kubis, salad, kubis dan bendi.

"Apabila kita menanam sendiri tanaman, kita boleh memastikan ia bebas daripada bahan-bahan kimia dan racun serangga berbahaya.

"Malah, kita boleh menjadikan aktiviti menanam sayur-sayuran ini sebagai aktiviti yang menyeronokkan seperti projek sains untuk seisi keluarga terutamanya ketika cuti persekolahan atau cuti panjang," ulasnya yang juga merupakan aktivis alam sekitar.

Selain itu, beliau yakin sekiranya ada minat, aktiviti menanam secara pertanian bandar dapat dijadikan hobi yang bermanfaat kerana mampu mengurangkan perbelanjaan dapur seisi keluarga.



KEPELBAGAIAN sisa yang dikumpul untuk dikompos.

"Seperti yang kita sedia maklum, harga cili di pasaran kini sangat mahal, tetapi jika diusahakan sendiri, kita dapat menikmati hasilnya tanpa perlu berbelanja lebih.

"(Dan) sekiranya ada lebihan pengeluaran hasil tanaman, maka ia dapat memberi 'duit poket' tambahan kepada isi rumah yang mengusahakan," maklumnya.

## Cabaran Urbanisasi

Berdasarkan data PLANMalaysia, purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan antara 2015 sehingga 2040 adalah pada nilai 1.67 peratus yang mana secara harfiahnya jumlah penduduk meningkat iaitu daripada 31.2 juta pada tahun 2015 kepada 46.1 juta orang menjelang tahun 2040.

Manakala, sasaran urbanisasi Rancangan Fizikal Negara (RFN) Ke-3 meletakkan kadar urbanisasi sebanyak 77 peratus pada tahun 2020 dan tidak melebihi 85 peratus pada tahun 2040 kelak.

Statistik ini jelas menunjukkan wujudnya cabaran perbandaran di Malaysia seperti peningkatan kos sara hidup di bandar-bandar, peningkatan penjanaan sisa pepejal, peningkatan penggunaan sumber air dan isu pemeliharaan alam sekitar.

"Oleh itu, salah satu cara mengatasi cabaran ini adalah dengan mendidik masyarakat atau sesiapa sahaja yang berminat untuk cuba menanam sendiri sama ada sayur-sayuran mahupun ulam-ulaman secara organik di rumah.

"CAP sedia untuk menyediakan khidmat nasihat, tunjuk ajar secara *hands-on* dan juga menyediakan baja atau sebatian organik yang perlu untuk memulakan aktiviti penanaman di rumah.



CACING *African Night Crawler* bersaiz lebih besar dan panjang berbanding cacing biasa.

"Walaupun, hakikatnya ramai yang tidak berminat…CAP tetap optimis, tambah-tambah situasi sekarang ini dengan penularan COVID-19.

"Orang ramai boleh mengambil peluang bercucuk tanam menggunakan konsep pertanian bandar ini atau bagi yang berminat, boleh mempelajarinya di sini," ujar Subbarow lanjut.

Difahamkan, CAP mengadakan kelas-kelas percuma setiap hari Sabtu kepada mereka yang berminat untuk mempelajari konsep pertanian bandar dan pertanian organik.

CAP juga telah menghasilkan kit pemula bagi mereka yang berminat memulakan pertanian bandar ini.



N.V. Subbarow menunjukkan bendi berwarna merah yang sedia untuk dituai.



PENANAMAN secara menegak atau *vertical farming* yang menggunakan paip PVC terpakai.

# Penerima tawaran RTO PPR Permatang Tok Subuh syukur miliki rumah sendiri

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**MACHANG BUBUK –** Seramai 37 penerima surat tawaran bagi skim sewa beli (RTO) unit kediaman Projek Perumahan Rakyat (PPR) Permatang Tok Subuh meluahkan rasa syukur dan gembira apabila impian memiliki rumah sendiri akhirnya menjadi realiti.

**ROSLI SHUKUR**, 47, ketika ditemui menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta pihak-pihak terlibat yang telah berusaha bagi memastikan penduduk mendapatkan kediaman sendiri.



ROSLI Shukur.

"Alhamdulillah... sudah tentu saya gembira dan bersyukur kerana pada hari ini akhirnya kami mendapat tawaran memiliki rumah yang cantik dan selesa.

"Saya juga berasa amat terharu kerana walaupun pandemik COVID-19 masih belum berakhir tetapi barisan kepimpinan Kerajaan Negeri termasuk Exco, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen sanggup turun padang untuk menyampaikan sendiri surat tawaran ini kepada kami.

"Kalau boleh saya harap kami dapat menduduki rumah ini secepat mungkin kerana saya sudah tidak mampu membayar sewa rumah sekitar RM600 sebulan," katanya kepada Buletin Mutiara selepas menerima surat tawaran berkenaan yang disampaikan oleh Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo di sini 30 Julai lalu.



ZURAIDAH Ismail.

Walau bagaimanapun, kata Rosli, beliau berharap agar Kerajaan Negeri dapat berusaha untuk mengembalikan semula nama asal PPR Permatang Tok Subuh yang kini ditukar kepada Desa Markisah.

"Seeloknya nama Tok Subuh itu dikekalkan kerana kami semua berasal dari kampung dan kalau boleh kita mahu nama yang asal diguna pakai kerana lebih nostalgia" cadangnya.

Seorang lagi penerima, **ZURAIDAH ISMAIL**, 47, pula memberitahu bahawa surat tawaran yang diterimanya adalah tepat pada waktunya kerana rumah yang disewanya kini perlu dikosongkan atas sebab-sebab tertentu.



JAMILAH Ismail.

"Sudah lima tahun saya menunggu untuk miliki rumah sendiri dan kini saya berasa lega dan sangat gembira," ujarnya ringkas.

Bagi **JAMILAH ISMAIL**, 60, beliau menyatakan bahawa penantiannya selama lebih lima tahun akhirnya berbaloi apabila terpilih sebagai salah seorang menerima surat tawaran sewa beli PPR Permatang Tok Subuh.

"Perasaan saya sudah tentulah gembira, saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan ADUN setempat yang telah memberi peluang kepada kami untuk memiliki rumah idaman sendiri," zahirnya.

Terdahulu, Jagdeep dalam ucapannya memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa memberikan keutamaan kepada pembekalan rumah mampu milik termasuk rumah kos rendah dan sederhana rendah kepada penduduk di negeri ini.

"Kerajaan Negeri kekal dengan pendirian untuk tidak membenarkan harga rumah kos rendah, sederhana rendah dan rumah mampu milik dinaikkan harga.

"Sebagai contoh di PPR Permatang Tok Subuh ini yang terdiri daripada 39 unit rumah mampu milik menelan belanja RM4.5 juta atau sekitar RM115,000 seunit.

"Namun, kita ditawarkan kepada penduduk pada harga RM42,000 sahaja yang mana sebahagiannya iaitu RM25,000 dibiayai oleh pemaju dan bakinya RM17,000 dibiayai oleh Bahagian Perumahan.

"Ini bermaksud Kerajaan Negeri memberikan subsidi bagi setiap satu unit kediaman sebanyak RM73,000," jelasnya.

Berhubung permintaan penduduk yang mahu mengekalkan nama asal Permatang Tok Subuh, Jagdeep menjelaskan bahawa perbincangan lanjut akan dilakukan bersama-sama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi tujuan tersebut.

"Saya difahamkan oleh pihak MBSP bahawa nama Desa Markisah yang diberikan kini boleh ditukar. Oleh itu, kita akan masukkan permohonan untuk menamakan semula projek ini dengan nama Permatang Tok Subuh," ulasnya.

ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon; Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong serta Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Dasar dan Pembangunan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Fakhurrazi Ibnu Omar antara yang turut sama dalam sidang media berkaitan di sini.

Difahamkan, projek PPR Permatang Tok subuh kini berada dalam tempoh akhir penyiapan yang mana kemajuan semasa adalah pada kadar 97.48 peratus dan tarikh siap dijangka pada 30 Disember 2020.







PAPAN tanda sebelum memasuki kawasan jeti.

# Rasai keajaiban kelip-kelip Sungai Kerian



RUPA bentuk kelip-kelip yang terdapat di Sungai Kerian.



KERLIPAN-kerlipan lampu kecil yang dapat dilihat.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**IBARAT** kerdipan bintang pada waktu malam, kehadiran ribuan kelip-kelip di tebing Sungai Kerian sepanjang lapan kilometer ternyata menyajikan pemandangan yang mengasyikkan.

Bagi mereka yang mahu menikmati keajaiban kelip-kelip, Sungai Kerian dekat Jawi yang menjadi ikon bagi kawasan Nibong Tebal antara lokasi yang sesuai untuk dilawati.

Dengan perjalanan menaiki bot selama 45 minit dari jeti di Teluk Jalan Pil, anda pasti kagum melihat kerdipan cahaya serentak yang terapung-apung pada pokok bakau yang membarisi tebing sungai seakan-akan dihiasi dengan lampu ajaib.

Difahamkan, spesies pokok bakau yang menarik perhatian sang kelip-kelip ini adalah pohon berembang atau nama saintifiknya *Sonneratia Caseolaris*.

Amazing Nibong Tebal merupakan syarikat yang menyediakan pakej lawatan ke kawasan tersebut dengan menawarkan perjalanan melalui bot pada waktu matahari terbenam untuk melihat kelip-kelip.

Pengusahanya, **TAN CHIN HOCK**, 57, ketika ditemui berkata bahawa idea untuk menjadikan kelip-kelip Sungai Kerian sebagai salah satu kawasan pelancongan timbul sejak tahun 2005 tetapi hanya dapat direalisasikan pada 2007.

"Saya bersama dengan rakan-rakan melawat Kuala Selangor untuk melihat kelip-kelip, dan apabila pulang ke sini (Sungai Kerian) saya dapati keadaan persekitarannya hampir sama.

"Kawasan sungai ini juga sunyi dan dipenuhi dengan pokok berembang yang menjadi habitat bagi kelip-kelip selain berlaku air pasang dan surut.

"Justeru, kami menyuarakan pandangan kepada Majlis Pelancongan Seberang Perai Selatan untuk menjadikan kawasan habitat kelip-kelip ini sebagai destinasi pelancongan dan syukur idea tersebut telah diterima.

"Pada mulanya, kami menyerahkan hal ini kepada nelayan memandangkan kami masih belum ada bot untuk membawa pelancong tetapi dari situ timbul isu daripada segi keselamatan yang mana pelancong tidak dibekalkan dengan jaket keselamatan semasa menaiki bot.

"Selepas itu, barulah kami menubuhkan satu syarikat untuk menawarkan pakej pelancongan yang memenuhi ciri-ciri keselamatan selain boleh dikembangkan menjadi perniagaan yang serius," jelasnya.

Tambah Chin Hock, Amazing Nibong Tebal menyediakan beberapa pakej menarik dan berpatutan yang sesuai bagi pelancong tempatan dan luar negara.

"Kami menyediakan beberapa pakej yang mana pelancong dibawa menelusuri sungai sehingga ke tengah laut untuk melawat sangkar ikan berdekatan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Jambatan Kedua).

"Di sini para pelancong akan diberikan penerangan mengenai proses pembinaan ikan sangkar, penjagaan ikan sangkar dan sebagainya.

"Selepas itu, kira-kira jam 6.30 petang, pelancong akan dibawa menikmati hidangan makan malam di restoran makanan laut popular sekitar Seberang Perai Selatan sebelum melihat kelip-kelip pada sebelah malam.

"Sebelum ini, kami juga ada menyediakan pakej mencandat sotong tetapi terpaksa dihentikan kerana habitat ini terjejas selepas kewujudan tapak pelupusan sampah Pulau Burung dan sampai kini masih belum pulih," ujarnya.

Difahamkan, setiap tahun Amazing Nibong Tebal menerima kira-kira 5,000 pelancong yang majoritinya adalah terdiri daripada pelancong asing seperti Taiwan, Hong Kong, Singapura dan sebagainya.

Amazing Nibong Tebal menyediakan dua perjalanan iaitu pada jam 7.45 petang dan 8.30 malam yang mana setiap perjalanan akan mengambil masa kira-kira 40 minit.

Dalam pada itu, tambah Chin Hock antara cabaran yang dihadapi bagi mengekalkan perniagaan kini adalah untuk mengekalkan kawasan Sungai Kerian sebagai habitat kelip-kelip memandangkan kawasan Nibong Tebal kini semakin pesat dengan pembangunan.

"Selain itu, hasrat saya untuk menaik taraf jeti juga sukar memandangkan tanah yang digunakan sekarang adalah milik Kerajaan Persekutuan dan permohonan untuk mendapatkan lesen pendudukan sementara (TOL) juga tidak diluluskan," ulasnya.

Pada pendapat penulis, adalah sangat mustahil untuk merakam pemandangan indah kelip-kelip pada gambar dengan kamera standard atau kamera telefon. Keajaiban pertunjukan cahaya ini hanya akan terakam dan kekal dalam ingatan kita sahaja.

Amazing Nibong Tebal beralamat di Jalan Teluk Pil dekat Jawi, Nibong Tebal. Sebarang pertanyaan sila hubungi Tan Chin Hock di talian : 012-555 4873.




TAN Chin Hock (kiri) menunjukkan bot beliau yang beroperasi membawa pelancong menelusuri keunikan Sungai Kerian.

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 12284
Peminjam : NOORIZZAH BT IBRAHIM - 91081708****
NO.1549 MUKIM 14, BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : IBRAHIM BIN OTHMAN - 63120708****
NO.1549 MUKIM 14, BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : MUSTAFA BIN MOKHTAR - 71043008****
D-2-1 MUTIARA JAYA, JALAN PUTERI GUNUNG 1, 14120 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 12286
Peminjam : NAZRI BIN MOHD NOOR - 91103007****
C-9-1 PARK 51 RESIDENCY, JLN 51A/241, SEKSYEN 51A 46100 PETALING JAYA, SELANGOR
Penjamin 1 : MOHD FEIRDAUS BIN MOHD NOOR - 87070235****
7559 JALAN PERAK 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MOHD NIZAM BIN MOHD NOOR - 84020807****
7559 JALAN PERAK 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 12290
Peminjam : JAZMI DANIEL BIN ABDUL JALAL - 87020707****
NO.65 JALAN PERMAI, TAMAN BROWN 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : AHMAD BIN HASSAN - 63041107****
NO.259 JALAN PERAK 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : LENY AZLIFFA BINTI ABDUL AZIZ - 80022307****
NO.485 MUKIM E, TITI TERAS 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 12297
Peminjam : RAJA NURFATIN AMEERA BINTI RAJA RADZUAN - 89062607****
NO.2279, PERSIARAN SUNGAI GELUGOR 2, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : RAJA RADZUAN B RAJA ABD RASHID - 62111210****
NO. 142 JALAN TAS 1, TAMAN TAS, KUANTAN 25150 PAHANG
Penjamin 2 : MUHAMAD IZDHAM B MUSA - 89062507****
TS 4197 PENGKALAN BATU 13300 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 12300
Peminjam : AISAH BT MOHAMED AZMI - 70062007****
138 JALAN C/10 LAMAN BAKAWALI, KOTA SERIEMAS 71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN
Penjamin 1 : MUNIRAH BT MUHAMED - 79033003****
NO. 5 JALAN GELUGOR, SUNGAI PELEK, SEPANG 43950 SELANGOR
Penjamin 2 : FAUZIAH BT MOHAMED AZMI - 65020907****
BAKAT PINTAR SDN BHD (ADMISSTION & RECORD), LEVEL 11 MENARA SUMMIT, PERSIARAN KEWAJIPAN USJ 1, 47600 UEP SUBANG JAYA, SELANGOR

No Akaun : 12302
Peminjam : TANGAKUMARRAN A/L GANESON - 96070707****
41 LORONG MAHSURI 9, BAYAN BARU 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : NITHYA DEVI A/P GANESON - 86062135****
41 LORONG MAHSURI 9, 11960 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : KAUSALYAH A/P GANESON - 89070507****
41 LORONG MAHSURI 9, 11960 BAYAN BARU, PULAU PINANG

No Akaun : 12303
Peminjam : NOR FAIZAH BT SHUKOR - 93092507****
NO.531 MUKIM 19 , MENGKUANG DEM 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : MOHAMAD ROZAIDI BIN MD ALI - 90050807****
531 MUKIM 19 , MENGKUANG DEM 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : SHUKOR BIN MAT NOH - 64043007****
531 MUKIM 19 , MENGKUANG DEM 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12305
Peminjam : AISHAH BT. ABDUL LATIFF - 93081267****
NO.17 SOLOK JONES 10250 GEORGETOWN, PULAU PINNAG
Penjamin 1 : YUSHAIDA BINTI YUSOF - 82031607****
209 JALAN SHAIK EUSOFF 11400 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : APORN PHAENGMALIKAN - 61061471****
NO.17 SOLOK JONES 10250 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 12311
Peminjam : NURUL SAADAH BINTI LATIB - 93020407****
NO.164 KAMPUNG TERSUSUN, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAUFEK BIN LATIB - 77062807****
164 KAMPUNG TERSUSUN, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD YUSOFF BIN ISMAIL - (MENINGGAL DUNIA)
2-1-2 APARTMENT SERI INTAN , LINTANG BAYAN 4, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 12312
Peminjam : NOR ROSHAZMIN BINTI BIDIN - 94090507****
SV19-02 SQWHERE DATARAN PRESTIJ JALAN SUNGAI BULOH, KAMPUNG BARU SUNGAI BULOH, SEKSYEN U19, 40160 SHAH ALAM
Penjamin 1 : MOHD ROSHIDI BIN BIDIN - 75071107****
TS 7215 PAYA KELADI HUJUNG 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MOHD ZAKI BIN JUSOH - 74052311****
NO 6 JLN 1/16 BBK, BANDAR BARU KUNDANG 48020 RAWANG, SELANGOR

No Akaun : 12316
Peminjam : EVELYN LIM AUN NEE - 94102807****
NO. 28 JALAN JAMBU 1, TAMAN JAMBU 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ANGELINE LIM AUN SHEE - 92042107****
28 JALAN JAMBU 1, TAMAN JAMBU 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LIM MEI KIM - 84122707****
17 LORONG MEKAR DUA, TAMAN MEKAR 13400 BUTTERWORTH

No Akaun : 12317
Peminjam : DHARRMENTIRAN A/L HARIKRISHNAN - 92060707****
NO.10 JALAN SERI TAMBUN 1, TAMAN SERI TAMBUN 14100 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 1 : INTIRAN A/L HARIKRISHNAN - 87022208****
NO.38 JALAN TOMAN 8/18, SEKSYEN 8,PETALING JAYA 46050 SELANGOR
Penjamin 2 : GOMATHI A/P HARIKRISHNAN - 85061108****
NO 11, JALAN LEP 7/29, BANDAR PUTRA PERMAI 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR

No Akaun : 12319
Peminjam : NOORAZHAR BIN MANSOR - 85022207****
NO.8 LORONG DESA SENA 6, TAMAN DESA SENA 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : NURHASNIZA BINTI JALIL - 87091535****
NO. 8 LORONG DESA SENA 6 , TAMAN DESA SENA 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2 : NOORAZIRA BINTI MANSOR - 82012107****
TS 5112, MK 3, KAMPUNG PELET, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12322
Peminjam : MOHD ALIFF MUKMIN BIN ABDUL RAHIM - 94122607****
NO 1 LORONG HUTTON , SRI SAUJANA 10050 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABDUL RAHIM BIN HUSSIN - 67020408****
NO. 1 LORONG HUTTON 10300 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SARIMAH BINTI HUSSIN - 75081114****
NO 22 JALAN PU 12/7, TAMAN PUCHONG UTAMA 40450 PUCHONG, SELANGOR

No Akaun : 12324
Peminjam : MOHAMMAD SAIFUL BIN SABDIN - 94082107****
B-G-15 FLAT MUTIARA JAYA, JALAN PUTERI GUNUNG 1, 14120 BANDAR TASEK MUTIARA, SIMPANG EMPAT
Penjamin 1 : MOHD SABRI BIN SABDIN - 83072302****
BLOK A-3-1,KUARTERS INSTITUSI PENDIDIKAN, JALAN NANGKA, JALAN NANGKA, TAMAN DESA DAMAI, 14120 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : MOHD SHAHRUL BIN SABDIN - 85032602****
BLOK C-1-27 JALAN PANTAI BERSIH, TAMAN PANTAI BERSIH, 14120 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12328
Peminjam : MUHAMAD SYAHMI BIN JAMALUDIN - 96101207****
324-I MUKIM 13, TINGKAT 4, SUNGAI GELUGOR 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : JAMALUDIN BIN A GHANI - 65080201****
NO. 21 JALAN BBK 1/15 , BANDAR BARU KUNDANG 48020 RAWANG, SELANGOR
Penjamin 2 : NUR HIDAYAH BINTI JAMALUDIN - 92091207****
NO. 21 JALAN BBK 1/15 , BANDAR BARU KUNDANG 48020 RAWANG, SELANGOR

No Akaun : 12330
Peminjam : NUR ATHIRAH BINTI MOHD AZIRA - 91040902****
NO.3646 PANTAI KAMLON 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MOHD AZIRA BIN SUID - 69122702****
3646 PANTAI KAMLON 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MOHD IZUAN BIN MAHMUD - 85110602****
3646 PANTAI KAMLON 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 12333
Peminjam : NURULAIN SYAMIMI BINTI ZAKARIA - 96110707****
NO.834 LORONG 5, TAMAN SERAI SETIA 2, 09400 PADANG SERAI, KEDAH
Penjamin 1 : MUHAMAD NAIM BIN ZAKARIA - 93012607****
NO.834 LORONG 5, TAMAN SERAI SETIA 2, 09400 PADANG SERAI, KEDAH
Penjamin 2 : ALIF BIN SOHFIAN - 91081407****
6-16-10 JALAN GANGSA, GREENLANE HEIGHT,GEORGETOWN 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 12339
Peminjam : MUHAMMAD KHAIRUL ARIB BIN ABDUL HADI - 93012607****
NO.12 LORONG SERI ACHEH 9, TAMAN SERI ACHEH 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : ABDUL HADI BIN IDRIS - 60031307****
NO.12 LORONG SERI ACHEH 9, TAMAN SERI ACHEH 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : NUR RABIAATUL ADAWIYAH BINTI ABDUL HADI - 86030835****
NO.12 LORONG SERI ACHEH 9, TAMAN SERI ACHEH 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 12342
Peminjam : KHALIS ISMA-ALIF BIN ISMAIL - 94011507****
5-13-2 LENGKOK FREE SCHOOL, HALAMAN KRISTAL 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : KHAIRIL ISMADY BIN ISMAIL - 84042007****
NO 35 LALUAN TRONOH JAYA 5, DESA TRONOH JAYA 31750 TRONOH, PERAK
Penjamin 2 : SAIFUL NIZAM BIN ISMAIL - 83031402****
NO 35 LALUAN TRONOH JAYA 5, DESA TRONOH JAYA 31750 TRONOH, PERAK

No Akaun : 12343
Peminjam : MUHAMMAD NURAIEMAN AQIL BIN EMRAN - 97040607****
NO.1413 TAMAN MELATI, TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : EMRAN BIN HASSAN - 76011901****
NO.1413 TAMAN MELATI 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : ZAINUDDIN BIN HJ AHMAD - 66072002****
1762, TAMAN GURU, TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12351
Peminjam : NUR ADIBAH BINTI MASRI - 97031002****
NO.7003 PERMATANG PAUH 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : NUR AZLINA BINTI AZALEI - 75091507****
NO. 30 LORONG PENAGA PERMAI 12, 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : MOHD FUAD BIN AZALEI - 68041407****
41 LORONG PAUH JAYA 2/2, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 12356
Peminjam : NURUL FATIN RAIHAN BT MOHD PUAD - 91060907****
188 LALUAN BUNGA RAYA 2, KAMPUNG TERSUSUN BATU 8, 31150 ULU KINTA, PERAK
Penjamin 1 : ROKIAH BINTI BAKAR - 66061608****
188 LALUAN BUNGA RAYA 2, , KAMPUNG TERSUSUN BATU 8, 31150 ULU KINTA, PERAK
Penjamin 2 : MOHD RAIMI FAKHRI MOHD PUAD - 88060326****
B-2-2, CASA TROPICANA, JALAN PERSIARAN TROPICANA, TROPICANA GOLF& COUNTRY RESORT 47410 PETALING JAYA, SELANGOR

No Akaun : 12359
Peminjam : MUHAMAD RIDHWAN BIN ZULKIFLY - 92041007****
TBP 6038 LUBUK MERIAM 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : ZULKIFLY BIN AHMAD - 67081007****
4770 PERMATANG DURIAN 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : RAMLI BIN MD YUSOF - 63062005****
BALAI POLIS KEPALA BATAS 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 12361
Peminjam : ROSANIDAWATI BINTI HARON - 94063014****
BLOK F LEVEL 2, 2F, FLAT TAMAN MULIA, JALAN BUDIMAN 10, 56000 BANDAR TUN RAZAK, KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : MOHAMMAD FALAKHUDDIN BIN HARON - 90122508****
828 A MUKIM 9 KAMPUNG MATAHARI NAIK, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 2 : FAUZIAH BINTI HARON - 83122208****
828 A MUKIM 9 KAMPUNG MATAHARI NAIK, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG

No Akaun : 12362
Peminjam : MUHAMAD FARIZZ ZAINUDDIN - 97111807****
NO.1762 TAMAN GURU, TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ZAINUDDIN BIN HJ AHMAD - 66072002****
1762 TAMAN GURU 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : EMRAN BIN HASSAN - 76011901****
1413,TAMAN MELATI, TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH

No Akaun : 12365
Peminjam : MOHAMAD HAFIZ BIN OSMAN - 91050607****
NO.6231 MUKIM 20, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NAJWA BINTI MOHD SOBRI - 92021807****
NO. 44 LORONG GUAR PERAHU 35, TAMAN GUAR PERAHU 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ZOLKIFLI BIN OSMAN - 68070107****
6231 MK 20 KUBANG SEMANG 14400 PULAU PINANG

No Akaun : 12368
Peminjam : MUHAMMAD IMRAN BIN MOHD. ZAKIR - 96080714****
NO.21 LORONG AIR TAWAR 7, TAMAN AIR TAWAR INDAH 13050 TELUK AIR TAWAR, BUTTERWORTH
Penjamin 1 : MOHD.ZAKIR BIN KASSIM - 67091602****
NO. 21 LORONG AIR TAWAR 7, TAMAN AIR TAWAR INDAH 13050 TELUK AIR TAWAR, BUTTERWORTH
Penjamin 2 : MAISARAH BINTI ARSHAD - 80082607****
NO.63, LORONG 4, TAMAN SUTERA INDAH 09600 ALOR SETAR,KEDAH

No Akaun : 12372
Peminjam : MOHAMMAD KHAIRUL ANWAR BIN MOHD ZAMRI - 93030407****
NO. 8963, PADANG TEMBUSU 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : SARINA BINTI AHMAD - 72032007****
NO. 148 LORONG RAMBAI 2/3, TAMAN RAMBAI 09600 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : ANIZAN BIN DAUD - 83013102****
KAMPUNG HUTAN PUTUS, MUKIM PENGKALAN KUNDOR 06800 KUALA KEDAH, KEDAH

No Akaun : 12373
Peminjam : MOHD SAIFUL BIN ABDULLAH - 91110202****
1435 JALAN KEBUN SIREH, KAMPUNG SIAM 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ADNAN BIN MT NAYAN - 70070608****
NO 6 LORONG BERTAM PERMAI 8, TAMAN BERTAM PERMAI13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : NOR SYAKILA BINTI MT NAYAN - 92122602****
1435 JALAN KEBUN SIREH, KAMPUNG SIAM 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12377
Peminjam : MOHD HIFZHUDDIN BIN NOR AZMAN - 92120909****
19 LORONG 20/SS1, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : NOR AZMAN BIN YAAKOB - 67022202****
19 LORONG 20/SS1, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2 : MUHAMAD HELMI BIN HASSAN - 92103107****
28 LORONG 5/SS3, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 12380
Peminjam : UBAID BIN ABD AKLA - 87072507****
29-2 JALAN WANGSA DELIMA 2A, SEKSYEN 5, PUSAT BANDAR WANGSA MAJU 53300 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : USAID BIN ABD AKLA - 87072507****
29-2 JALAN WANGSA DELIMA 2A, SEKSYEN 5, PUSAT BANDAR WANGSA MAJU, 53300 KUALA LUMPUR
Penjamin 2 : MUHAMMAD SYAFIQ B. AZMI - 88063008****
LOT 3101(20)C, BATU 10 1/4, KG BUKIT LANJAN, JALAN DAMANSARA 60000 WP KUALA LUMPUR

No Akaun : 12381
Peminjam : NUR AIN SYAHMINA BINTI OTHMAN - 96080208****
NO.2031 TINGKAT 1, BLOK CERIA, INSTITUT PERGURUAN TUANKU BAINUN 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : OTHMAN BIN CHE MAN - 64041308****
2031 TINGKAT 1 BLOK CERIA , IPG KAMPUS TUANKU BAINUN 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ALYES BIN ARIFF - 61060207****
1695 KG ALMA 14400 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12382
Peminjam : SYAZWANI BINTI SAIDIN - 93030607****
NO.39 MUKIM 4, KAMPUNG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : SHABARIAH BINTI SAIDIN - 68091607****
39 MUKIM 4 KAMPUNG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : SHAHRIL BIN SAIDIN - 81033107****
NO. 992, 2/6 PERSIARAN UTAMA, TAMAN KULIM UTAMA 09000 KULIM HI-TECH PARK, KEDAH

No Akaun : 12387
Peminjam : NURUL IMAN BINTI AHMAD FAISAL - 90022207****
B1-10-03 SAVANNA JALAN BBLS 2, BANDAR BARU LEMBAH SELATAN 43800 DENGKIL, SELANGOR
Penjamin 1 : NADIA FITRIAH BINTI AHMAD FAISAL - 85092326****
NO.4366 MUKIM 11, JALAN KEBUN SIREH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : NAJAH FARAHIN BINTI AHMAD FAISAL - 79012302****
NO.2550 KILOMETER 2, JALAN PADANG NYU 02600 ARAU, PERLIS

No Akaun : 12393
Peminjam : NURSYAFIQAH BINTI MUJAMIL - 94101607****
NO. 50 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, BUKIT GEDUNG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MUJAMIL BIN IBRAHIM - 69010607****
PLOT 168 KG TERSUSUN 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : NORHAYATI BINTI IBRAHIM - 78042407****
16-23-2 SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG

# Minat dan keinginan kunci kejayaan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **EXCO**

**BATU MAUNG –** Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain menegaskan bahawa faktor kemiskinan bukan penghalang kepada mereka yang ingin mengejar kejayaan.

Sebaliknya, kata beliau, minat yang tinggi untuk menuntut ilmu dan berguru dengan sempurna adalah jalan keluar daripada kepompong kemiskinan.

"Di KADUN (Kawasan Dewan Undangan Negeri) Batu Maung, sekiranya anda memerlukan sebarang bantuan untuk pendidikan, boleh datang ke sini dan kita akan cuba bantu sebaik mungkin.

"Kerajaan Negeri banyak menyediakan pelbagai peluang kepada rakyat negeri ini untuk mendapatkan kualiti pendidikan terbaik.

"Kita di Batu Maung ada *Penang Digital Library*, buka 10 pagi hingga 10 malam, kalau perlukan internet percuma boleh ke sana untuk ulang kaji yang mana komputer turut disediakan… asalkan ada minat, jangan jadikan kemiskinan sebagai penghalang," ucapnya pada Majlis Pengiktirafan Tokoh Guru dan Sumbangan Kepada Pelajar B40 Yang Berjaya Memasuki IPTA di sini 18 Julai lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin dan bekas Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Penang Free School, Mohd. Ismail Ibramsa.

Majlis bertemakan, Berguru Demi Ilmu Bina Generasi Baharu tersebut turut menyampaikan Anugerah Tokoh Guru kepada lima bekas pendidik di samping penyampaian sumbangan keperluan sekolah kepada 250 pelajar terpilih.

Selain itu, 12 pelajar turut menerima bantuan kewangan bernilai RM200 hingga RM400 sebagai insentif kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Sebagai tambahan, Abdul Halim yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung turut menyatakan bahawa kelas tuisyen percuma dan *Japanese Math Class* juga akan disambung semula dalam tempoh terdekat ini.

Dalam pada itu, Tze Tzin menyatakan bahawa beliau telah memperuntukkan RM399,000 sebagai usaha memperkasakan pendidikan melalui sumbangan berkaitan peralatan teknologi maklumat di sekolah-sekolah kawasan Bayan Baru bagi tempoh dua tahun ini.

"Selain sumbangan tersebut, sebanyak RM43,000 turut dibelanjakan melalui penajaan 450 pelajar untuk mendalami bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) di *Penang Tech Dome* dan *Penang Science Cluster*," ulasnya.



**ABDUL Halim Hussain (tengah) dan Sim Tze Tzin (kiri) menyampaikan plak penghargaan Anugerah Tokoh Guru kepada salah seorang penerima pada Majlis Pengiktirafan Tokoh Guru dan Sumbangan Kepada Pelajar B40 Yang Berjaya Memasuki IPTA di sini baru-baru ini.**

## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 12395
Peminjam : NURUL ATHIRAH BINTI ABDUL AZIZ - 93081207****
NO.1771 JALAN KAMPUNG BINJAI, CHEROK TO KUN ATAS 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ABDUL AZIZ BIN OTHMAN - 66042807****
NO.1771 JALAN KAMPUNG BINJAI, CHEROK TOK KUN ATAS 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : NURUL ATIQAH BT ABD AZIZ - 91042606****
D-1-15 BLK D, APT BANGI IDAMAN, JALAN 5C/5, BANGI IDAMAN SEK 5, 43650 BANGI, SELANGOR

No Akaun : 12398
Peminjam : MUHAMMAD FARIS BIN ZAINURDIN - 97111007****
1001 MUKIM 3 PENGKALAN TAMBANG, PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : MOHAMMAD FADZLI BIN ZAINURDIN - 87090335****
L7 TINGKAT 1 NO.8, JALAN PENGGAWA, BANDAR MAHKOTA CHERAS 43200 SELANGOR
Penjamin 2 : NURTASHA HANIS BINTI ZAINURDIN - 90072007****
1001 MUKIM 3 PENGKALAN TAMBANG, PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 12402
Peminjam : LIM YAN NING - 92030107****
G-11 BLOCK C, TAMAN PULASAN, BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NG CHEE KANG - 90070207****
NO. 2A LORONG ROZHAN 4, TAMAN ROZHAN 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LIM JING HENG - 90080407****
G-11 BLOCK C,TAMAN PULASAN, BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12404
Peminjam : NURSYAZWANI BINTI MD. NAZAR - 95080407****
G-10 KUARTERS POLITEKNIK SEBERANG PERAI, JALAN PERMATANG PAUH 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : ZUFIDA NOR BINTI HUSNIN @ ASMUNI - 69010108****
G-10, KUARTERS POLITEKNIK SEBERANG PERAI, JALAN PERMATANG PAUH 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : HIDAYATUN NOR BINTI HUSNIN @ ASMUNI - 81010108****
NO.62 RANCANGAN PERUMAHAN AWAM, ULU KINTA 31150 PERAK

No Akaun : 12407
Peminjam : ELLI AIMAN BINTI MOHD NASIR - 93101207****
1672 LORONG MASJID, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MOHD NASIR BIN ISHAK - 60061202****
1672 LORONG MASJID , PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MOHD NAZRI BIN DAUD - 78020407****
10389 LORONG MASJID, PONGSU SERIBU 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 12408
Peminjam : ISMAIL BIN ABD RAHIM - 95011007****
TS 7031 MK 20, PERMATANG TENGAH, KUBANG ULU 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ABDUL RAHMAN BIN ABD RAHIM - 88011526****
TS 7031 MK 20, PERMATANG TENGAH, KUBANG ULU 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : AISHAH BT ABD RAHIM - 90051502****
NO. 501 BLOK E2, SEKSYEN 1, BANDAR WANGSA MAJU 53300 SETAPAK, KUALA LUMPUR

No Akaun : 12414
Peminjam : NUR IZA SYAFIQAH BINTI MOHAMED SALIHIN - 97121135****
2551 LENGKUK SUNGAI GELUGOR 1, SUNGAI GLUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMED SALIHIN BIN MOHAMED ALIDIN - 70102907****
2551 LENGKUK SUNGAI GELUGOR 1, SUNGAI GELUGOR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 12421
Peminjam : NUR IMAN KAMARIAH BINTI HASHIM - 96050607****
1022 PERMATANG TINGGI C 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : HASHIM BIN REJAB - 62032807****
1022 PERMATANG TINGGI C 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 12425
Peminjam : NURR DANNISH TAZZIK BT JAMIL - 97111407****
248 LORONG WARISAN 5, FASA 3B, 32040 SERI MANJUNG, PERAK
Penjamin 1 : JAMIL BIN JOHARI - 61111307****
248 LORONG WARISAN 5, FASA 3B, SERI MANJUNG 32040 PERAK

No Akaun : 12431
Peminjam : MOHAMAD IZZAT BIN MOHAMAD - 96101807****
BLOK 583B-4-10 PERUMAHAN PEGAWAI KANAN POLIS 11700 JALAN SUNGAI DUA, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMAD BIN K.A. RAZAK - 61042007****
583B-4-10 PERUMAHAN PEGAWAI KANAN POLIS , 11700 SUNGAI DUA, PULAU PINANG

No Akaun : 12446
Peminjam : HASAN BIN AB HAMID - 83033008****
D5 532B, LORONG TUNA , SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : SUHAILA BINTI AB HAMID - 79041608****
NO.36 JALAN LAMPAM 13700 SEBERANG JAYA, PERAI, PULAU PINANG

No Akaun : 12459
Peminjam : KIRUTIGGA A/P MUTHU - 94030907****
NO.26 LORONG 16, TAMAN MERAK 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : MALIGA A/P NARAYANASAMY - 66081007****
NO.26 LORONG 16, TAMAN MERAK 14100 SIMPANG AMPAT, SPS

No Akaun : 12460
Peminjam : IZYAN NUR WADHIHAH BINTI AZMY - 97063009****
2-5-17 PUSAT BAYAN, TAMAN SRI BAYAN, JALAN MERBAH 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : AZMY BIN ABDUL KHALID - 65121202****
2-5-17 PUSAT BAYAN, TAMAN SRI BAYAN, JALAN MERBAH 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 12461
Peminjam : IRFAN BASYIR BIN JOHARI - 95021207****
TBP 3909 MK 15 KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : JOHARI BIN SAHAD - 63053007****
TBP 3909, MUKIM 15, KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM

# Lorong khas, Warden Trafik MBPP tingkat rondaan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**PADANG KOTA –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melalui Unit Warden Trafik komited untuk meningkatkan rondaan di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan *underpass* Jalan Udini bagi membendung penggunaan motosikal di laluan kenderaan biasa.

Menurut Ahli Majlis bagi MBPP, Ahmad Azrizal Tahir, perkara tersebut telah dimulakan sejak Januari lalu namun didapati masih ramai pengguna motosikal yang tidak menggunakan lorong yang dikhaskan.

"Selaras dengan Akta Pengangkutan Jalan 1987 Seksyen 79(2), MBPP akan membuat kawalan di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu bagi mengelakkan penggunaan motosikal di laluan utama.

"Tujuannya adalah untuk mengelakkan kemalangan berlaku kerana risiko di laluan berkaitan adalah amat tinggi, tambahan pula kadar penggunaan kenderaan di situ saban hari meningkat.

"Selain itu, kita juga akan meningkatkan kawalan agar penunggang motosikal tidak menggunakan laluan *underpass* Jalan Udini, Gelugor ekoran kawasan tersebut juga kerap kali berlakunya kemalangan sehingga membabitkan kehilangan nyawa," ujarnya pada sidang media di sini 29 Julai lalu.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi MBPP Mohamed Yusoff Mohamed Noor dan Penolong Pegawai Penguatkuasaan, Azizan Md. Desa.

Justeru, Azrizal yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penguatkuasaan dan Pendidikan Awam menasihatkan supaya penunggang motosikal di Pulau Pinang mahupun dari negeri lain agar akur kepada undang-undang tersebut.

"Di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan *underpass* Jalan Udini, motosikal memang tidak dibenarkan melalui laluan utama kecuali ianya ditutup untuk kerja-kerja penyelenggaraan,' jelasnya.

Difahamkan bagi kesalahan membabitkan Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu gagal mematuhi isyarat lalu lintas lorong motosikal, pelaku boleh dikompaun antara RM40 hingga RM120.

Dalam pada itu, Azizan memaklumkan, bahawa sejumlah 322 saman melibatkan motosikal di kedua-dua laluan tersebut telah dikeluarkan sejak penubuhan warden trafik MBPP pada Januari lalu.



**AHMAD Azrizal Tahir (tiga dari kanan) merakam gambar bersama-sama Unit Warden Trafik MBPP sejurus sidang media di sini baru-baru ini.**



**BERSIAP sedia menjalankan tugas diamanahkan.**


TAMAN DESA HARMONI
Sungai Dua

17 UNIT RUMAH TERES 2-TINGKAT
DENGAN REKABENTUK MODEN

**JENIS A (2 UNIT)**
Keluasan Tanah : 3057 KPS - 3165 KPS
Keluasan Binaan : 1980 KPS (PLOT 1 & 9)
Harga Minima : RM 900,000.00
Harga Maksima : RM 910,000.00

**JENIS B (15 UNIT)**
Keluasan Tanah : 1690 KPS - 3068 KPS
Keluasan Binaan : 1800 KPS
Harga Minima : RM 688,000.00
Harga Maksima : RM 841,000.00

CIRI-CIRI ISTIMEWA
- Terletak di kawasan Sungai Dua yang sedang membangun.
- Berhampiran kedai-kedai, sekolah, balai polis, bank, pejabat pos, stesen minyak, restoran, pasar dan lain-lain
- 4 bilik tidur & 4 bilik mandi, ruang tamu, ruang keluarga dan ruang makan yang luas
- Anjung kereta untuk 2 buah kereta










PEMAJU: (917790-V)
LOYAL GREENWORLD SDN BHD
1797-1-8A, Kompleks Auto World, Jalan Perusahaan, Juru Interchange, 13600 Prai, Penang.
*Tel* 016-233 0233 • *Faks* 04-506 0631 • *Emel* loyalgreenworld@gmail.com

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA
DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA

No. lesen pemaju: 13664-2/09-2020/0821(L)
Tempoh sah: 13/09/2018-12/09/2020
No. permit iklan & jualan: 13664-2/09-2020/0821(P)
Tempoh sah: 13/09/2018-12/09/2020
Jenis perumahan: Rumah Teres 2-Tingkat
No. pelan susunatur: MPSP/70/39-16/19 B.2

No. pelan bangunan: MPSP/40/20-16/27
Pihak berkuasa yang meluluskan: MPSP
Pajakan tanah: AMBANK (M) BHD
Hakmilik tanah: Pegangan Bebas
Jumlah unit: 17 unit
Tarikh dijangka siap: SEPTEMBER 2021

# Taman Burung Pulau Pinang sebagai taman pelbagai guna

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



**SEBERANG JAYA -** Taman Burung Pulau Pinang yang pernah menjadi salah satu destinasi pelancongan terkenal suatu ketika dahulu di negeri ini, perlu mempunyai nilai tambah lain seperti berfungsi sebagai pusat penyelidikan serta pembelajaran berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi.

Mengulas lanjut, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan (PETACH), Yeoh Soon Hin berkata bahawa pihaknya akan cuba berbincang dengan agensi negeri, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Kerajaan Negeri mengenai cadangan penarafan taman tersebut supaya tidak lagi terhad sebagai kawasan pelancongan.



YEOH Soon Hin (kanan) di bawah pengawasan Dr. Gino H. C. Ooi mencuba pengalaman memerhatikan gerak-geri burung hantu secara dekat bersempena lawatannya ke Taman Burung Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



KEPELBAGAIAN spesies burung yang terdapat di Taman Burung Pulau Pinang.

"Pada era moden ini, taman seperti ini semestinya berbeza dengan masa lalu.

"Saya akan membincangkan perkara ini dengan PDC dan Kerajaan Negeri berhubung pendekatan dalam membantu taman ini meningkatkan operasi terasnya kini untuk menjadi taman pelbagai guna demi kepentingan orang ramai," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong semasa lawatan ke Taman Burung Pulau Pinang di sini pada 11 Julai 2020.

Menyorot sejarah, difahamkan, Taman Burung Pulau Pinang dibina pada tahun 1988 dengan menempatkan lebih 3,000 ekor burung daripada 300 spesies yang berlainan dari seluruh dunia.

Dengan rekod itu, Taman Burung Pulau Pinang merupakan taman burung pertama negara, juga dikatakan mempunyai koleksi burung terbesar di tanah air ini.

Selain itu, Soon Hin menyatakan bahawa pihaknya turut akan berbincang dengan pihak pengurusan bas berbayar, Rapid Penang Sdn. Bhd. untuk menggalakkan pelancong asing serta pengunjung tempatan ke Taman Burung Pulau Pinang.

Sebelum itu, Pengarah Taman Burung Pulau Pinang, Dr. Gino H. C. Ooi menyatakan harapannya agar Kerajaan Negeri dan PDC mempertimbangkan cadangan untuk memberikan bantuan termasuk daripada segi pengurangan sewa tambahan kepada taman tersebut.

"PDC baru-baru ini telah meluluskan diskaun sewa 30 peratus untuk taman itu, tetapi saya sangat berharap permintaan saya sekarang atas nama taman mengurangkan lagi diskaun dapat dipertimbangkan," katanya.

Di samping itu, Gino memberitahu bahawa Taman Burung Pulau Pinang dibenarkan beroperasi kembali pada 12 Julai lepas selepas ditutup bagi tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini.

Tambah beliau, kehadiran pengunjung ke taman tersebut sejak dibuka adalah agak memberangsangkan iaitu kira-kira 65 peratus.

"Biasanya purata pengunjung ke taman ini dalam sehari adalah seramai 400 orang.

"Orang Pulau Pinang atau mereka yang mempunyai alamat kediaman Pulau Pinang di MyKad dapat menikmati potongan 50 peratus berikutan pengumuman baru-baru ini mengenai kempen *'Penang-lang 50% off'* yang bertujuan untuk menjana semula ekonomi negeri," ulasnya.

Maklumat lanjut mengenai tiket, aktiviti dan promosi lain dari Taman Burung Pulau Pinang sila layari *https://www.penangbirdpark.com.my*.



## Bakat Si Cilik - Mewarna 2 / 2020



PENANG 2030



# SELAMAT MENYAMBUT
# Hari Kemerdekaan & Hari Malaysia



Sila isi butiran berikut:

Nama : ..........

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ..........

Alamat: ..........

..........

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ..........

No. Telefon : (Rumah) .......... (Bimbit) : ..........

Emel: ..........

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **1 Ogos 2020** hingga **30 September 2020.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM250**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**
**10 Hadiah Saguhati**